

PENDEDAHAN TUNGGAK 3

196	1.0 Tinjauan
196	2.0 Skop Aplikasi
196	3.0 Pengurusan Modal
198	4.0 Pengurusan Risiko
200	5.0 Risiko Kredit
212	6.0 Risiko Pasaran dan Kecairan
214	7.0 Risiko Operasi
215	8.0 Pendedahan Tadbir Urus Syariah



Pendedahan Tunggak 3

1.0 TINJAUAN

Pendedahan Tunggak 3 adalah sebahagian daripada keperluan Bank Negara Malaysia (BNM) di bawah Rangka Kerja Kecukupan Modal Berwajaran Risiko (RWCAF) yang meliputi 3 Tunggak:

Tunggak 1 Menetapkan keperluan modal minimum untuk risiko-risiko kredit, pasaran dan operasi.

Tunggak 2 Bertujuan memastikan institusi-institusi perbankan mengekalkan tahap modal yang mencukupi selaras dengan profil risiko dan rancangan perniagaan mereka pada setiap masa.

Tunggak 3 Bertujuan menggalakkan ketelusan melalui peningkatan pendedahan mengenai amalan pengurusan risiko dan kecukupan modal.

Dari sudut pengawalseliaan, Cagamas Berhad dan anak-anak syarikatnya (dirujuk di sini sebagai “Cagamas/Syarikat”) tidak perlu mematuhi keperluan Basel II Tunggak 3 Bank Negara Malaysia (BNM) namun telah memilih untuk menggunakan keperluan pendedahan itu sebagai amalan terbaik. Pendedahan Tunggak 3 bagi Syarikat ditadbir urus melalui polisi pendedahan yang telah diluluskan iaitu Rangka Kerja Kecukupan Modal Berwajaran Risiko (Basel II Tunggak 3) yang meliputi kandungan, kepentingan, kekerapan pendedahan dan kawalan dalaman yang dilaksanakan dalam proses pendedahan itu.

Dalam menentukan keperluan modal untuk risiko kredit, Syarikat telah menggunakan Pendekatan Berasaskan Penarafan Dalaman Lanjutan (AIRB) bagi portfolio Pembelian Tanpa Rekursa (PWOR) dan Pendekatan Seragam bagi portfolio Pembelian dengan Rekursa (PWR) dan pelaburan.

Bagi risiko pasaran, Syarikat telah menggunakan Pendekatan Piawai, manakala keperluan modal wajar risiko bagi risiko operasi adalah berasaskan Pendekatan Petunjuk Asas iaitu purata peratusan yang ditetapkan oleh BNM daripada pendapatan positif kasar tahunan sepanjang tempoh tiga tahun sebelumnya.

Di bawah BNM’s RWCAF Basel II Tunggak 3, maklumat yang didedahkan di sini tidak perlu diaudit oleh juruaudit luar. Walau bagaimanapun, pendedahan yang disediakan di sini telah disemak dan disahkan oleh juruaudit dalaman dan diperakui oleh Ketua Pegawai Eksekutif. Pendedahan Tunggak 3 akan diterbitkan setiap tahun bersama-sama dengan laporan tahunan yang boleh didapati di laman web Syarikat, www.cagamas.com.my.

2.0 SKOP APLIKASI

Asas bagi penyatuan dinyatakan dalam Nota 2.2 kepada penyata kewangan. Tiada sekatan yang ketara atau halangan dikenakan terhadap pemindahan dana atau modal terkawal dalam Kumpulan Cagamas Holdings (dirujuk di sini sebagai Kumpulan). Tiada sebarang kekurangan modal di dalam anak-anak syarikat milik Kumpulan sepanjang tahun ini.

Bagi tujuan pendedahan Tunggak 3, skopnya telah dihadkan kepada anak syarikat yang mempunyai hubungan ketara terhadap aset Kumpulan iaitu Cagamas Berhad dan anak-anak syarikatnya sahaja (i.e. Syarikat). Pendedahan yang diterbitkan adalah untuk tahun berakhir 31 Disember 2017 yang berasaskan penyata kewangan Cagamas Berhad yang telah disatukan. Maklumat mengenai anak-anak syarikat dalam Kumpulan boleh didapati dalam nota-nota kepada penyata kewangan.

3.0 PENGURUSAN MODAL

Pengurusan modal Syarikat adakah berpandukan Rangka Kerja Pengurusan Modal yang menetapkan dasar dan prosedur minimum yang diperlukan untuk memastikan kecukupan modal dikekalkan bagi menyokong pembangunan perniagaannya.

Rangka kerja ini bertujuan untuk memastikan Syarikat mengkaji keperluan modalnya bagi tempoh minima 3 tahun, selaras dengan profil risiko dan pelan perniagaan Syarikat dan juga untuk mengekalkan paras modal yang mencukupi sepanjang masa. Ini melibatkan inisiatif-inisiatif utama seperti berikut:

- Fokus kepada usaha mengukur pulangan modal yang digunakan dalam menilai cadangan perniagaan yang memerlukan penggabungan peranan pembangunan unik Syarikat di pasaran modal hutang dan sebagai penyedia kecairan;
- Pemantauan keteguhan kedudukan modal secara berterusan dan penggunaan modal yang cekap melalui pelan modal 3 tahun;
- Perancangan awal untuk memenuhi keperluan Basel III, termasuk pelaksanaan ICAAP serta memastikan supaya keperluan modal di bawah senario tekanan diambil kira dalam perancangan modal.

Pendedahan Tunggak 3 (Sambungan)

3.0 PENGURUSAN MODAL (SAMBUNGAN)

Strategi pengurusan modal adalah dinamik dan berpandangan ke depan, melibatkan pengurusan keperluan modal perniagaan baru dan sedia ada serta mengambil kira persekitaran perniagaan yang memberi kesan kepada keperluan dan nilai Syarikat.

Strategi ini melibatkan pengurusan struktur modal Syarikat secara proaktif supaya mencapai tahap yang berkesan dan pada masa yang sama mengekalkan keteguhan dan kemantapan kedudukan modal selari dengan profil risiko dan menyokong pertumbuhan perniagaan. Ini melibatkan penilaian dan pemantauan yang berterusan terhadap tahap dan kualiti modal Syarikat oleh Lembaga Pengarah dan dinilai berdasarkan kepada objektif utama seperti berikut:

- Mengekalkan tahap keteguhan kewangan yang tinggi, berkait rapat dengan profil risiko secara keseluruhan dan tahap kesanggupan menerima risiko;
- Memelihara fleksibiliti kewangan untuk membiayai pertumbuhan dalaman;
- Mampu menghadapi permintaan modal akibat kejutan pasaran dan tekanan keadaan;
- Mengekalkan penarafan kredit luar Syarikat yang kukuh;
- Memenuhi jangkaan pelbagai pihak berkepentingan, rakan niaga, penanggung hutang, agensi penarafan dan pemegang syer.

Garis panduan rangka kerja pengurusan modal yang dikeluarkan oleh BNM telah menetapkan keperluan umum berkenaan kecukupan modal berkanun, komponen modal berkanun yang layak dan keperluan untuk mengira aset berwajaran risiko (RWA). RWA Syarikat dikira mengikut Rangka Kerja Kecukupan Modal Basel II.

3.1 Nisbah Kecukupan Modal

Jadual berikut memperincikan nisbah kecukupan modal bagi Syarikat:

	2017	2016
<i>Sebelum ditolak dividen akhir yang dicadangkan</i>		
Nisbah modal teras	20.9%	22.3%
Nisbah modal berwajaran risiko	22.3%	24.1%
<i>Selepas ditolak dividen akhir yang dicadangkan</i>		
Nisbah modal teras	20.7%	22.2%
Nisbah modal berwajaran risiko	22.2%	23.9%

3.2 Struktur Modal

Jadual berikut memperincikan struktur modal bagi Syarikat:

	2017	2016
Modal Tahap I		
Modal syer berbayar	150,000	150,000
Pendapatan tertahan	3,300,646	3,088,931
Tolak: Rizab AFS	(724)	(10,529)
Tolak: Aset cukai tertunda	(7,965)	(8,365)
Tolak: Rizab berkanun	(161,032)	(173,564)
	3,280,925	3,046,473
Modal Tahap II		
Peruntukan bagi kerugian penjejasan	68,232	68,734
Tambah: Rizab berkanun	161,032	173,564
Jumlah Modal	3,510,189	3,288,771

Pendedahan Tunggak 3 (Sambungan)

3.0 PENGURUSAN MODAL (SAMBUNGAN)

3.3 Keperluan Modal Kawal Selia Minimum

Jadual berikut memperincikan keperluan modal minimum bagi menyokong RWA Syarikat pada:

Kelas Pendedahan Aset Berwajaran Risiko	2017 RM'000	2016 RM'000
i) Risiko Kredit	15,026,002	12,935,305
ii) Risiko Pasaran	-	-
ii) Risiko Operasi	711,021	722,196
Jumlah	15,737,023	13,657,501

Keperluan Modal Risiko Minimum pada 8%

i) Risiko Kredit	1,202,081	1,034,824
ii) Risiko Pasaran	-	-
iii) Risiko Operasi	56,882	57,776
Jumlah	1,258,963	1,092,600

4.0 PENGURUSAN RISIKO

Kumpulan mengambil pandangan holistik dan menyeluruh dalam menguruskan risiko anak-anak syarikat dengan membuat penilaian risiko secara kerap.

4.1 Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi (ERM)

ERM menjadi sebahagian daripada budaya Kumpulan yang diterapkan dalam proses dan amalan perniagaan. Lembaga Pengarah telah meluluskan Rangka Kerja ERM, yang memperincikan tanggungjawab dan kebertanggungjawaban Lembaga Pengarah ("Lembaga" atau "BOD"), Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah (BRC), Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Ketua Pegawai Risiko (CRO), Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif (MEC), Jawatankuasa Aset Liabiliti (ALCO), Jabatan Pengurusan Risiko & Pematuhan (RMD), Jabatan Audit Dalaman (IAD) dan kakitangan Cagamas.

Rangka Kerja ERM adalah menjurus ke arah mencapai objektif Cagamas yang meliputi empat kategori berikut:

- Strategik – matlamat peringkat tinggi, sejajar dengan dan menyokong misinya
- Operasi – penggunaan sumbernya secara cekap dan berkesan
- Kewangan – keuntungan dan kemampuan prestasi
- Laporan & Pematuhan – tahap kebolehpercayaan laporan dan pematuhan kepada undang-undang dan peraturan yang diguna pakai.

Selaras dengan ERM, Kumpulan telah menggunapakai konsep tiga barisan pertahanan dalam menguruskan risiko. Sebagai barisan pertahanan yang pertama, unit perniagaan mempunyai tanggungjawab utama untuk mengenalpasti, mengurus dan mengurangkan risiko-risiko dalam bidang perniagaan mereka. Mereka juga berperanan untuk memastikan supaya aktiviti harian mereka dilaksanakan selaras dengan dasar, prosedur dan had risiko yang telah ditetapkan.

4.0 PENGURUSAN RISIKO (SAMBUNGAN)

RMD yang bebas, memainkan peranan sebagai barisan pertahanan kedua yang menyediakan sumber khusus untuk mengurus risiko secara proaktif. Ini termasuk menilai pendedahan risiko dan menyelaras pengurusan risiko bagi seluruh perniagaan. RMD juga bertanggungjawab untuk memastikan supaya dasar risiko dilaksanakan sewajarnya.

IAD menjadi barisan pertahanan ketiga yang bertanggungjawab menyemak kecukupan dan keberkesanan proses pengurusan risiko, sistem kawalan dalaman dan pematuhan kepada dasar risiko dalaman secara bebas.

4.2 Struktur Tadbir Urus Risiko

Lembaga Pengarah menetapkan hala tuju strategik keseluruhan bagi Kumpulan. Ia menyediakan pengawasan untuk memastikan Pengurusan telah mewujudkan sistem dan amalan pengurusan risiko yang sewajarnya bagi menguruskan risiko yang berkaitan dengan operasi dan aktiviti Kumpulan. Lembaga Pengarah menetapkan tahap kesanggupan risiko dan paras toleransi yang konsisten dengan keseluruhan objektif perniagaan Syarikat dan profil risiko yang dikehendaki. Lembaga Pengarah juga menyemak dan meluluskan semua dasar pengurusan dan pendedahan risiko yang ketara.

BRC membantu Lembaga Pengarah dengan memastikan kewujudan pengawasan dan pembangunan strategi, dasar dan infrastruktur yang berkesan untuk mengurus risiko Kumpulan. BRC disokong oleh jawatankuasa pengurusan untuk menangani risiko-risiko utama yang dikenal pasti.

MEC dan ALCO yang terdiri daripada pihak pengurusan kanan dalam Kumpulan dipengerusikan oleh CEO yang menjalankan fungsi pengawasan peruntukan modal dan had risiko keseluruhan, dengan menyesuaikan kepada tahap kesanggupan menerima risiko seperti yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah. Pihak pengurusan juga bertanggungjawab untuk melaksanakan dasar yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dengan memastikan kewujudan prosedur operasi yang mencukupi dan berkesan, serta kawalan dalaman dan sistem yang menyokong dasar-dasar tersebut.

RMD bertanggungjawab untuk mengenalpasti, mengukur, menganalisis, mengawal, memantau dan melaporkan pendedahan risiko secara bebas dan menyelaras pengurusan risiko untuk seluruh organisasi. Ia bebas daripada jabatan-jabatan lain yang terlibat di dalam aktiviti mengambil risiko dan melapor terus kepada BRC.

4.3 Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalaman (ICAAP)

Secara umumnya, ICAAP melibatkan penilaian menyeluruh semua risiko ketara yang terdedah kepada Syarikat, menilai kecukupan modal Syarikat berbanding dengan risikonya dan menetapkan sasaran modal yang sepadan dengan profil risiko serta persekitaran operasinya, dengan mengambil kira strategi perniagaan Syarikat dan tahap kesanggupannya menerima risiko. Berikut adalah komponen utama dalam ICAAP Syarikat:

Tahap Kesanggupan Menerima Risiko

Tahap kesanggupan menerima risiko adalah tahap toleransi risiko yang boleh diterima bagi setiap kategori risiko ketara dan parameter lain yang berkaitan dalam mencapai objektif perniagaan Syarikat. Ia tidak bertujuan untuk mencegah pengambilan risiko. Sebaliknya, ia memastikan risiko yang diambil oleh Syarikat adalah bersesuaian dengan strategi perniagaan yang dipilih.

Penilaian & Kuantifikasi Risiko Ketara

Menganalisis semua risiko yang berlaku dalam aktiviti perniagaan Syarikat dan mengiktiraf risiko yang dialami oleh Syarikat atau boleh terdedah kepada pada masa depan. Ini termasuk risiko yang boleh diukur dan tidak boleh diukur. Risiko dikumpulkan untuk menentukan risiko keseluruhan Syarikat di bawah ICAAP, termasuk penilaian kesan tekanan pada sasaran RWCR dalaman.

Ujian Tekanan

Satu ujian tekanan yang rapi dan berpandangan ke depan merupakan sebahagian yang penting didalam ICAAP, membolehkan Syarikat menilai kesan kepada kecukupan modal yang timbul daripada peristiwa buruk atau perubahan dalam keadaan pasaran. Ujian tekanan lanjut akan membolehkan Syarikat menilai kelemahan penyata kedudukan kewangan dan daya tahan rancangan kewangannya terhadap peristiwa tekanan melampau tetapi munasabah.

Pendedahan Tunggak 3 (Sambungan)

4.0 PENGURUSAN RISIKO (SAMBUNGAN)

4.3 Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalam (ICAAP) (Sambungan)

Ujian Tekanan (Sambungan)

Bagi memastikan keberkesanan keputusan ujian tekanan, pelbagai senario diambil kira termasuk sekurang-kurangnya satu senario kelemahan ekonomi yang teruk tetapi munasabah, seperti kemelesetan ekonomi yang teruk dan/atau satu kejutan kecairan bagi keseluruhan sistem. Tekanan ini akan merangkumi seluruh syarikat yang meliputi semua bidang risiko yang berkaitan dan entiti penting dalam Syarikat. Keputusan ujian tekanan dibincangkan oleh ALCO dan dilaporkan kepada BRC dan BOD.

Pengurusan Modal

Pengukuran modal sedia ada dan instrumen modal Syarikat diperincikan dalam Rangka Kerja Pengurusan Modal. Komponen yang dipertimbangkan dalam modal sedia ada dikaji semula atau dipertingkatkan apabila perlu bagi memastikan kesesuaian.

Kajian Bebas

Satu kajian ICAAP secara bebas akan dilakukan untuk mengkaji semula proses dan sistem untuk menilai pelbagai risiko yang terdedah kepada Syarikat dan untuk mengaitkan risiko-risiko dengan tahap modal. Skopnya termasuk kajian semula kesesuaian proses penilaian kecukupan modal dalaman, mengenal pasti risiko utama, kewajaran senario ujian tekanan, kewibawaan, kebolehpercayaan mengesah dan kelengkapan input data dan andaian yang digunakan.

5.0 RISIKO KREDIT

Risiko kredit boleh didefinisikan sebagai potensi kerugian kewangan berpunca daripada kegagalan pihak peminjam atau rakan niaga mematuhi komitmen kewangan atau kontrak. Risiko kredit dalam Syarikat timbul daripada perniagaan Pembelian Dengan Rekursa (PWR) dan Pembelian Tanpa Rekursa (PWOR), pelaburan dan aktiviti lindung nilai perbendaharaan. Syarikat berusaha mengambil risiko kredit yang menepati piawaian penaja jaminan dan memastikan risiko yang diambil setimpal dengan pulangan perniagaan.

Pengawasan dan Organisasi Pengurusan Risiko Kredit

Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif (MEC) adalah jawatankuasa pengurusan kanan yang bertanggungjawab ke atas keseluruhan pendedahan risiko kredit Syarikat, dengan mengambil pandangan secara proaktif mengenai risiko-risiko bagi penempatan portfolio kredit. MEC yang dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif juga menyemak rangka kerja pengurusan risiko kredit Syarikat, profil kredit bagi portfolio yang dianggap ketara dan menyesuaikan pengurusan risiko kredit dengan strategi perniagaan.

Unit Perniagaan menjalankan penilaian kredit secara teliti sebelum dikemukakan kepada Bahagian Risiko Kredit di bawah Jabatan Pengurusan Risiko. Bahagian Risiko Kredit secara bebasnya akan membuat penilaian ke atas pihak rakan niaga dengan mengambil kira keteguhan kewangan dan profil perniagaan sebelum membuat cadangan kepada MEC. Bahagian Risiko Kredit bertanggungjawab untuk merangka dasar dan prosedur risiko kredit untuk mengenal pasti, mengukur, memantau dan melaporkan risiko kredit Syarikat. Had kredit akan diluluskan oleh MEC dalam lingkungan tahap kesanggupan menerima risiko seperti yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah.

Kebiasaannya, laporan risiko meliputi kualiti portfolio, perubahan penarafan dan tumpuan pendedahan risiko dikemukakan kepada BRC dan BOD bagi melaksanakan fungsi pengawasan.

Pendekatan Pengurusan Risiko Kredit

Pengurusan risiko kredit meliputi langkah merangka dasar risiko kredit dan manual tatacara di mana proses kredit, kawalan, kuasa memberi kelulusan, penarafan/permarkahan risiko dan proses semakan semula Syarikat didokumenkan. Piawaian ini meliputi originasi kredit, mengukur dan mendokumentasi serta mengenal pasti masalah, klasifikasi dan langkah-langkah pemulihan.

Syarikat mengurus risiko kreditnya melalui penilaian yang menyeluruh ke atas pihak rakan niaga, mengenakan kriteria kelayakan secara berhemat dan melaksanakan usaha wajar ke atas pinjaman dan pembiayaan yang akan dibeli. Syarikat mempunyai sistem penarafan dalaman iaitu meletakkan had kredit maksimum yang dibenarkan bagi setiap kategori penarafan.

5.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

Pendekatan Pengurusan Risiko Kredit (Sambungan)

Had kredit akan disemak semula secara berkala dan akan ditentukan berdasarkan gabungan daripada penarafan luaran, penilaian kredit dalaman dan keperluan perniagaan. Aktiviti pembiayaan juga ditentukan oleh dasar kredit dalaman, manual tatacara dan Rangka Tahap Kesanggupan Menerima Risiko yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

Bidang Utama Pendedahan Kredit:

(a) Pembelian Dengan Rekursa (PWR)

Di bawah skim PWR, Syarikat mengambil risiko terhadap rakan niaga iaitu seperti risiko kredit di mana institusi yang menjual diberikan akur janji bagi pembelian semula atau menggantikan pinjaman yang tidak layak. Semakan semula terhadap rakan niaga dibuat sekurang-kurangnya sekali dalam masa setahun disertai dengan maklumat terkini. Syarikat mengenakan had yang ketat terhadap pendedahan rakan niaga berasaskan kepada penarafan dan penilaian kredit dalaman. Di samping itu, tumpuan risiko di bawah PWR diurus dan dipantau melalui had tumpuan yang diwujudkan berasaskan kepada jenis rakan niaga dan jenis aset.

(b) Pembelian Tanpa Rekursa (PWOR)

Bagi PWOR, Syarikat menanggung semua risiko kredit pinjaman dan pembiayaan yang dibeli di mana pembelian terhad kepada penjual yang diluluskan. Pembelian pinjaman ini diuruskan melalui pematuhan kepada kriteria kelayakan yang ketat dan pelaksanaan usaha wajar ke atas portfolio sebelum pembelian. Sebagai langkah mengawal risiko kredit seterusnya, pembelian PWOR mungkin meliputi ciri potongan gaji secara serta merta. Portfolio ini akan dipantau melalui had tumpuan berasaskan kepada jenis hartanah dan lokasi.

(c) Pelaburan dan Aktiviti Derivatif

Pengurusan risiko kredit yang berlaku daripada pelaburan lebih dana Syarikat ini adalah dilaksanakan melalui penetapan had kredit rakan niaga. Had kredit ini diwujudkan berdasarkan penilaian ke atas kemantapan kredit niaga dan juga tertakluk pada polisi kredit dalam pelaburan yang menetapkan gred minima pelaburan untuk hutang sekuriti dan tempoh maksima. Polisi pelaburan ini tertakluk kepada semakan berkala. Pendedahan kredit juga dikawal melalui pemantauan secara bebas dan laporan lebih dan pelanggaran had kelulusan dan ambang pengurangan risiko.

Pendedahan Syarikat ke atas Swap Kadar Faedah (IRS), Swap Kadar Keuntungan Islam (IPRS), Swap Mata Wang Bersilang (CCS) dan Swap Mata Wang Bersilang Islam (ICCS) adalah untuk tujuan perlindungan nilai perbendaharaan sahaja.

5.1 Kawalan Risiko Kredit

Secara umum, had kredit tidak diberi semata-mata berdasarkan kepada cagaran yang diberi kerana semua had kredit yang ditetapkan adalah berdasarkan kedudukan kredit rakan niaga, sumber bayaran balik dan keupayaan untuk membayar hutang.

Di bawah skim PWR, Syarikat menerima jaminan daripada syarikat induk korporat dan institusi rakan niaga bagi mengawal risiko kredit yang tertakluk kepada garis panduan dan dasar dalaman. Bagi pendedahan kredit yang dilindungi oleh penjamin yang layak, pecahan pendedahan yang diwajibkan adalah berasaskan kepada wajaran risiko yang sesuai kepada penjamin berkenaan. Menurut garis panduan RWCAF BNM, jaminan ini tidak akan dipertimbangkan sekali lagi untuk tujuan kawalan risiko kredit kerana penarafannya sudah mengambil kira jaminan yang diberi oleh syarikat induk rakan niaga tersebut.

Pendedahan Tunggak 3 (Sambungan)

202

CAGAMAS HOLDINGS BERHAD | Laporan Tahunan 2017

5.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

5.1 Kawalan Risiko Kredit (Sambungan)

Jadual berikut menunjukkan keperluan modal kawal selia minimum untuk risiko kredit:

Kelas Pendedahan Risiko Kredit	Jumlah pendedahan sebelum Kawalan Risiko Kredit RM'000	Jumlah pendedahan selepas Kawalan Risiko Kredit RM'000	Aset berwajaran risiko RM'000	Keperluan modal minimum pada 8% RM'000
2017				
<i>Pendedahan Dalam Penyata Kewangan:</i>				
Kerajaan & Bank Pusat	1,332,946	1,332,946	–	–
Bank, Institusi Kewangan Pembangunan & Pembangunan Pelbagai Hala Bank	24,411,845	24,411,845	9,295,771	743,662
Syarikat Korporat & Pemajikan	3,143,648	3,143,648	1,324,915	105,993
Aset Gadai Janji	12,048,886	12,048,886	3,717,532	297,403
Aset Sewa Beli	739	739	259	21
Aset-aset Lain	28,419	28,419	28,417	2,273
Pendedahan ingkar	100,026	100,026	398,806	31,904
Jumlah	41,066,509	41,066,509	14,765,700	1,181,256
<i>Pendedahan Luar Penyata Kewangan:</i>				
Instrumen Kewangan Derivatif	852,217	852,217	260,302	20,824
Jumlah Pendedahan Kredit	41,918,726	41,918,726	15,026,002	1,202,080
2016				
<i>Pendedahan Dalam Penyata Kewangan:</i>				
Kerajaan & Bank Pusat	794,651	794,651	–	–
Bank, Institusi Kewangan Pembangunan & Pembangunan Pelbagai Hala Bank	19,047,577	19,047,577	6,869,256	549,540
Syarikat Korporat & Pemajikan	2,711,425	2,711,425	1,174,272	93,942
Aset Gadai Janji	12,775,951	12,775,951	3,976,384	318,111
Aset Sewa Beli	1,581	1,581	491	39
Aset-aset Lain	24,454	24,454	24,452	1,956
Pendedahan ingkar	124,822	124,822	497,684	39,815
Jumlah	35,480,461	35,480,461	12,542,539	1,003,403
<i>Pendedahan Luar Penyata Kewangan:</i>				
Instrumen Kewangan Derivatif	1,240,382	1,240,382	392,766	31,421
Jumlah Pendedahan Kredit	36,720,843	36,720,843	12,935,305	1,034,824

Pendedahan Tunggak 3 (Sambungan)

5.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

5.2 Pengagihan Pendedahan Kredit

Pihak rakan niaga utama Syarikat adalah Kerajaan Malaysia (GOM), institutsi kewangan, institutsi kewangan pembangunan dan syarikat korporat di Malaysia. Jadual berikut menunjukkan analisis pendedahan kredit aset kewangan sebelum kesan kawalan risiko kredit oleh Syarikat, mengikut:

(a) Analisis industri berasaskan pengagihan industrinya;

2017	Tunai dan									
	Tunai dan jangka pendek RM'000	Instrumen kewangan derivatif RM'000	Sekuriti pelaburan AFS RM'000	Jumlah terhutang daripada rakan niaga RM'000	Aset gadai janji – Islam Konvensional RM'000	Aset gadai janji – Islam RM'000	Aset sewa beli – Islam RM'000	Aset- aset lain RM'000	Jumlah RM'000	
Badan kerajaan	-	-	897,126	-	-	-	-	1,325	898,451	
Institusi kewangan:										
- Bank komersial	466,079	466,339	612,659	18,615,537	4,273,959	-	-	-	24,434,573	
- Bank pelaburan	68,510	-	-	-	-	-	-	-	68,510	
Komunikasi, elektrik, gas dan air	-	-	100,945	-	-	-	-	-	100,945	
Pengangkutan	-	-	379,040	-	-	-	-	-	379,040	
Pemajaan	-	-	-	286,304	-	-	-	-	286,304	
Pengguna Korporat	-	-	-	-	5,848,119	6,300,576	953	-	12,149,648	
Pembinaan	-	-	147,415	968,537	1,270,419	-	-	-	2,386,371	
Lain-lain	-	-	81,186	-	-	-	-	-	81,186	
	2	-	253,059	-	-	-	-	7,628	260,689	
Jumlah	534,591	466,339	2,471,430	19,870,378	5,544,378	5,848,119	953	8,953	41,045,717	

Pendedahan Tunggak 3 (Sambungan)

5.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

5.2 Pengagihan Pendedahan Kredit (sambungan)

(a) Analisis industri berasaskan pengagihan industrinya (sambungan);

2016	Tunai dan		Instrumen kewangan derivatif	Sekuriti pelaburan AFS	Jumlah terhutang daripada rakan niaga	Aset pembiayaan Islam Konvensional	Aset gadai janji – Islam	Aset gadai janji – Islam	Aset sewa beli – Islam	Aset-aset lain	Jumlah
	jangka pendek	dana jangka panjang									
Badan kerajaan	-	-	-	572,718	-	-	-	-	-	2,062	574,780
Inststitusi kewangan:	319,361	887,826	13,002,576	442,276	4,355,927	-	-	-	-	-	19,007,966
- Bank komersial	90,033	-	-	-	-	-	-	-	-	-	90,033
- Bank pelaburan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Komunikasi, elektrik, gas dan air	-	-	-	70,528	-	-	-	-	-	-	70,528
Pengangkutan	-	-	-	194,967	-	-	-	-	-	-	194,967
Pemajaan	-	-	258,746	-	-	-	-	-	-	-	258,746
Pengguna Korporat	-	-	-	-	-	6,238,337	6,662,093	1,924	-	-	12,902,354
Pembinaan	-	-	1,034,843	-	951,762	-	-	-	-	-	1,986,605
Lain-lain	2	-	-	86,051	-	-	-	-	-	-	86,051
				283,978	-	-	-	-	-	7,527	291,507
Jumlah	409,396	887,826	14,296,165	1,650,518	5,307,689	6,238,337	6,662,093	1,924	9,589	35,463,537	

(b) Analisis berdasarkan lokasi geografi tidak diperlukan kerana kesemua pendedahan kredit melibatkan pendedahan domestik.

Pendedahan Tunggak 3 (Sambungan)

5.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

5.2 Pengagihan Pendedahan Kredit (sambungan)

(c) Analisis kematangan berdasarkan baki kematangan kontrak

2017	Dalam satu tahun RM'000	Satu hingga tiga tahun RM'000	Tiga hingga lima tahun RM'000	Lebih dari lima tahun RM'000	Tanpa untung faedah/ RM'000	Jumlah RM'000
Pendedahan Dalam Penyata Kewangan:						
Tunai dan dana jangka pendek	486,912	-	-	-	47,679	534,591
Instrumen kewangan derivatif	159,425	299,814	-	7,100	-	466,339
Sekuriti pelaburan AFS	726,423	503,885	416,171	824,951	-	2,471,430
Jumlah terhutang daripada rakan niaga	6,169,421	7,664,132	5,398,786	638,039	-	19,870,378
Aset pembiayaan	1,708,434	2,594,787	1,241,157	-	-	5,544,378
Islam Aset gadai janji:						
- Konvensional	933,922	1,204,460	1,114,465	3,449,082	(853,810)	5,848,119 ^{^1}
- Islam	712,367	964,148	967,336	4,475,152	(818,427)	6,300,576 ^{^2}
Aset sewa beli:						
- Konvensional	2	-	-	-	(2)	- ^{^3}
- Islam	970	45	-	-	(62)	953 ^{^4}
Aset-aset lain	1,227	1,338	897	1,963	3,528	8,953
Jumlah pendedahan dalam penyata kewangan	10,899,103	13,232,609	9,138,812	9,396,287	(1,621,094)	41,045,717
Pendedahan Luar Penyata Kewangan:						
IRS/IPRS	5,593	21,200	21,800	39,800	-	88,393
CCS/ICCS	221,595	542,229	-	-	-	763,824
Jumlah	11,126,291	13,796,038	9,160,612	9,436,087	(1,621,094)	41,897,934

^{^1} Termasuk kerugian penjejasan ke atas aset gadai janji konvensional RM37,970,725

^{^2} Termasuk kerugian penjejasan ke atas aset gadai janji Islam RM30,196,660

^{^3} Termasuk kerugian penjejasan ke atas aset sewa beli konvensional RM2,059

^{^4} Termasuk kerugian penjejasan ke atas aset sewa beli Islam RM62,050.

Pendedahan Tunggak 3 (Sambungan)

5.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

5.2 Pengagihan Pendedahan Kredit (sambungan)

(c) Analisis kematangan berdasarkan baki kematangan kontrak (sambungan)

2016	Dalam satu tahun RM'000	Satu hingga tiga tahun RM'000	Tiga hingga lima tahun RM'000	Lebih dari lima tahun RM'000	Tanpa untung faedah/ RM'000	Jumlah RM'000
Pendedahan Dalam Penyata Kewangan:						
Tunai dan dana jangka pendek	363,865	-	-	-	45,531	409,396
Instrumen kewangan derivatif	100,677	781,809	-	5,340	-	887,826
Sekuriti pelaburan AFS	284,709	285,505	154,459	925,845	-	1,650,518
Jumlah terhutang daripada rakan niaga	5,154,450	8,135,868	50,824	955,023	-	14,296,165
Aset pembiayaan	3,001,966	1,387,816	500,003	417,904	-	5,307,689
Islam Aset gadai janji:						
- Konvensional	935,176	1,218,288	1,148,044	3,910,131	(973,302)	6,238,337 ^{^1}
- Islam	726,071	958,087	980,438	4,924,612	(927,115)	6,662,093 ^{^2}
Aset sewa beli:						
- Konvensional	2	-	-	-	(2)	- ^{^3}
- Islam	2,001	153	-	-	(230)	1,924 ^{^4}
Aset-aset lain	1,045	1,148	653	3,103	3,640	9,589
